

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil BSN MyHomePlus-i. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya

Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the BSN MyHomePlus-i. Be sure to also read the terms and conditions in the letter of offer. Kindly seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms



BANK SIMPANAN NASIONAL

BSN MyHomePlus-i

Tarikh / Date : _____
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan / Wakil Cawangan / To be filled in by Financial Executive / Branch Representative)

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

BSN MyHomePlus-i adalah kemudahan pembiayaan tambahan yang ditawarkan kepada pelanggan BSN MyHome-i sedia ada bagi tujuan pengubahsuaian rumah, penyelesaian sebarang kemudahan/komitmen dalam laporan CCRIS atau slip gaji (jika ada), pendidikan atau kegunaan perniagaan. / *BSN MyHomePlus-i is an additional financing facility offered to existing BSN MyHome-i customers for the purpose of house renovation, settlement of any facility/commitment in CCRIS report or payslip (if any), education or business use.*

2. Apakah konsep Shariah yang digunakan untuk pembiayaan ini? / What is the Shariah concept applicable?

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. / *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur dwi-wakil yang merangkumi / *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, involving the following:*
 - Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara Murabahah daripada Bank. / *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a Murabahah basis.*
 - Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. / *The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party*

3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

- Jumlah pembiayaan minimum RM 50,000 / *Minimum financing amount RM50,000*

Jumlah pembiayaan maksimum adalah tidak melebihi amaun yang diluluskan di bawah pembiayaan MyHome-i sedia ada (selepas 5 tahun) / *Maximum financing amount does not exceed the amount approved under existing MyHome-i financing (after 5 years).*

- Jumlah pembiayaan maksimum adalah berdasarkan penilaian maklumat kewangan anda, dengan syarat bahawa ia sepadan dengan kelayakan atau keupayaan pembayaran balik anda. / *The maximum financing amount is based on assessment of your financial standing provided that it matches with your eligibility or payment capability.*
- Kadar keuntungan / *Profit rate:*

| Tempoh / tenure | Bukan Mandat / Non-Mandated Kadar Untung Efektif (setahun) / Effective Profit Rate (Per annum) | | Mandat / Mandated Kadar Untung Efektif (setahun)/ Effective Profit Rate (EPR) (per annum) | |
|------------------------------------|--|------------------------------------|---|------------------------------------|
| | Dengan Takaful / With Takaful | Tanpa Takaful / Without Takaful | Dengan Takaful /With Takaful | Tanpa Takaful / Without Takaful |
| Sepanjang tempoh / Whole tenure | KAS + 1.65% / SBR + 1.65% | KAS + 1.80% / SBR + 1.80% | KAS + 1.85% / SBR + 1.85% | KAS + 2.00% / SBR + 2.00% |
| | | | | |

Nota / Notes:

- Kadar Asas Standard (KAS) semasa adalah 2.75% (berkuat kuasa mulai 15 Julai 2025). / *Current Standardised Base Rate (SBR) is 2.75% (with effect from 17 July 2025).*
 - Tambahan 0.15% setahun ke atas kadar keuntungan di atas untuk pembiayaan tanpa Takaful. / *Additional 0.15% per annum from the above profit rate for financing without Takaful.*
- Kos kemasukan kewangan / bukan kewangan adalah 90% + 5% daripada nilai pasaran hartanah semasa / *Non Finance Entry Cost (Non-FEC) / Finance Entry Cost (FEC) is 90% + 5% of current market value of the property;*

Nota / Notes:

- i. Kos kemasukan kewangan termasuk MRTT, Yuran Guaman dan Yuran Penilaian Harta). / *Finance Entry Cost (FEC) includes MRTT, legal and valuation fees.*
- ii. Nilai pasaran semasa akan berdasarkan laporan penilaian terkini yang disediakan oleh panel penilai bank / *Current market value will be based on latest valuation report prepared by the Bank's panel valuer.*

| | | |
|---|------------|---------------|
| • Tempoh Pembiayaan / <i>Financing Tenure</i> | 30 | tahun / years |
| • Margin Pembiayaan / <i>Margin of Financing</i> | 90 | % |
| • Jumlah Harga Jualan / <i>Total Selling Price RM</i> | 555,451.20 | |
| • Kadar Untung Dipersetujui / <i>Contracted Profit Rate (CPR)</i> | 12.00 | % |

Nota / Notes :

- i. Maklumat di atas adalah berdasarkan hartaanah siap (bukan mandat dengan takaful), jumlah pembiayaan RM150,000, dan tempoh pembiayaan selama 30 tahun / *The above information is based on completed property(non-mandated with takaful), financing amount of RM150,000 with the financing tenure of 30 years.*
- ii. Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ia mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap produk BSN MyHomePlus-i. / *The above example is for illustration only. It may not indicate the conditions or obligations of each BSN MyHomePlus-i product.*


4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / What is Standardised Base Rate (SBR)?

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalam (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / *The SBR we offer for this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.*

5. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / What are possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR). / *The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e., changes in the Overnight Policy Rate (OPR).*

6. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) dalam masa 3 tahun / Historical Standardised Base Rate (SBR) for the past 3 years



Nota / Note:

- i. Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / *For a longer historical series, please refer to our website.*
- ii. KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. / *The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.*

7. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

- Ansuran bulanan anda / Your monthly instalments: Tahun [1] - [30] / Year [1] - [30] : RM [751.44]
- Jumlah bayaran pada akhir [30] tahun ialah RM [270,410.89] / Total payment amount at the end of [30] years is RM [270,410.89].

Penting: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran akan berbeza jika terdapat perubahan **KAS**. /
Important: Your monthly installment and total payment amount will vary if the **SBR** changes.

| Kadar Untung Efektif setahun / Effective Profit Rate (EPR) per annum | Semasa / Today (KAS / SBR = 2.75%) | Jika KAS naik 1% / If SBR goes up 1% | Jika KAS naik 2% / If SBR goes up 2% |
|--|------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| Ansuran bulanan / Monthly instalment | RM751.44 | RM842.30 | RM938.26 |
| Jumlah keseluruhan keuntungan pada akhir tempoh pembiayaan [30] tahun / Total profit at the end of [30] years financing tenure | RM120,410.89 | RM153,226.63 | RM187,773.19 |
| Jumlah keseluruhan bayaran pada akhir tempoh Pembiayaan [30] tahun. / Total payment amount at the end of [30] years financing tenure | RM270,410.89 | RM303,226.63 | RM337,773.19 |

Nota / Notes:

- Maklumat di atas adalah berdasarkan hartaan siap (bukan mandat dengan takaful), jumlah pembiayaan RM150,000, dan tempoh 30 tahun dengan kadar KAS + 1.65% / The above information is based on completed property (non-mandated with takaful), financing amount of RM150,000 with the tenure of 30 years and with rate SBR + 1.65%.
- Amaun bayaran di atas adalah dengan andaian EPR tidak berubah. / The instalment amount above is based on the assumption that the EPR is unchanged.
- Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ia mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap produk BSN MyHome-i. / The above example is for illustration only. It may not indicate the conditions or obligations of each BSN MyHome-i product.

8. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar? / What other charges do I have to pay?

| Bil./ No. | Jenis Fi / Type of Fee | Perincian / Details | | | | | | | | | | | | |
|----------------------|--|---|-----------|-------------------|----------|----|---|------|----|---|------|----------------------|--|-------------|
| 01. | Duti Setem / Stamp Duties | Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949 (Pindaan Semula 1989). / As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989). | | | | | | | | | | | | |
| 02. | Sumbangan Takaful Gadai Janji Berkurangan (pilihan) / Mortgage Reducing Term Takaful (optional) | Berubah berdasarkan umur / tempoh pembiayaan / jumlah pembiayaan / May be vary based on age, financing tenure / financing amount | | | | | | | | | | | | |
| 03. | Fi Pengeluaran / Disbursement Fee | Termasuk tetapi tidak terhad kepada duti setem, yuran pendaftaran cagaran, pendaftaran mana-mana dokumen sekuriti serta pendaftaran dan penarikan balik kaveat dan lain-lain caj yang berkenaan seperti carian kebankrapan dan carian rasmi hakmilik (land search). / Include but not limited to stamping fees, registration of charge, lodgement and withdrawal of caveats and other related charges like bankruptcy search and land search. | | | | | | | | | | | | |
| 04. | Yuran Guaman yang Berkaitan dengan Dokumen Sekuriti / Legal Fees Pertaining to Securities Documentations | Semua yuran guaman dan perbelanjaan sampingan yang berkaitan penyediaan dokumen sekuriti kemudahan pembiayaan. / All legal fees and incidental expenses in connection with the preparation of the security documents for financing facility. | | | | | | | | | | | | |
| 05. | Yuran Penilaian Harta / Valuation Fee | Yuran profesional bagi menyediakan laporan rasmi hartaan (terpakai bagi hartaan yang telah siap dibina sahaja). / Valuer fees for preparation of formal valuation report (applicable to completed property only). | | | | | | | | | | | | |
| 06. | Yuran Pemprosesan / Processing Fees | Dikecualikan. / Waived. | | | | | | | | | | | | |
| 07. | Fi Wakalah / Wakalah Fee | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil./ No.</th> <th>Perkara / Subject</th> <th>Fi / Fee</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah/ Total</td><td>RM30</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Fi Wakalah dikecualikan bagi jumlah pembiayaan RM100,000 dan ke bawah manakala fi Wakalah sebanyak RM30 akan dikenakan bagi jumlah pembiayaan melebihi RM100,000. / Wakalah fee is waived for financing amount of RM100,000 and below while RM30 of Wakalah fee will be imposed for financing amount of more than RM100,000. <p>RM30 untuk kontrak Wakalah akan didebitkan ke dalam Akaun Pembiayaan pelanggan. / RM30 for Wakalah contract will be debited into customer's Financing Account.</p> | Bil./ No. | Perkara / Subject | Fi / Fee | 1. | Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent | RM15 | 2. | Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent | RM15 | Jumlah/ Total | | RM30 |
| Bil./ No. | Perkara / Subject | Fi / Fee | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent | RM15 | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent | RM15 | | | | | | | | | | | | |
| Jumlah/ Total | | RM30 | | | | | | | | | | | | |

Nota / Note: Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja. / All fees are one-off payment only.

9. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / What if I fail to fulfil my obligations?

- Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan seperti di bawah / Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as below

| | |
|---|--|
| Dalam Tempoh Pembiayaan / Within the Facility Tenure | Caj Lewat Bayar tidak melebihi 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun ansuran bulanan yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan daripada tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan / Late Payment Charges (LPC) not exceeding 1% per annum will be imposed on the overdue monthly instalment payment in the event you fail to pay any monthly instalment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date. |
| Setelah tamat Tempoh Pembiayaan / After the Facility Tenure: | Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan atas kegagalan membayar keseluruhan jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau selepas penghakiman diperolehi, yang mana terdahulu. / Prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate will be charged for failure to pay the total outstanding balance after maturity or upon judgment obtained, whichever earlier. |

Nota / Note: *IIMM – Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam merujuk kepada yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. / *IIMM - Islamic Interbank Money Market refers to the rate as may be determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time.

- Sekiranya anda gagal membayar tiga (3) bulan ansuran bulanan secara berturut-turut atau mana-mana terma lain yang ditetapkan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya, pihak Bank berhak untuk mengurangkan ibra' di mana Kadar Keuntungan akan diubah kepada Kadar Mungkir yang mana akan dikira ke atas baki prinsipal pembiayaan berkuat kuasa serta-merta pada tarikh berikutnya selepas kemungkiran tersebut. Walau bagaimanapun, Kadar Mungkir tidak akan melebihi Kadar Untung Dipersetujui. (jika berkenaan) / Should you fail to pay the instalment for three (3) consecutive months or such other term as the Bank may stipulate at its absolute discretion, the Bank reserves the right to reduce the Ibra' whereby the profit rate shall be revised to Default Rate which is to be calculated on the principle balance of the facility effective immediately after the date of default until expiry of the facility tenure. However, Default Rate shall not exceed the Contracted Profit Rate (CPR) (if applicable).
- Pihak Bank berhak membuat penolakan ke atas mana-mana baki kredit dalam mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak tertakluk kepada notis awal diberikan kepada anda tujuh (7) hari kalender sebelum penolakan dilaksanakan. / The Bank has the right to set-off any credit balance in any of your account(s) maintained with the Bank against any outstanding balance in this financing account subject to the the Bank notifying you seven (7) calendar days in advance.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan dan kos guaman akan ditanggung oleh anda. / Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and the legal cost will be borne by you.
- Tindakan undang-undang terhadap anda memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar pada masa akan datang. / Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

10. Bagaimana sekiranya saya melangsaike sepenuhnya pembiayaan dalam tempoh lock in / sebelum tempoh matang? / What if I fully settle the financing during the lock in period / before maturity period?

- Anda perlu mengemukakan notis bertulis kepada Bank untuk mendapatkan amaun penjelasan awal. / You may submit a written notice to the Bank to get the total amount of early settlement.
- Penjelasan awal boleh dilakukan pada bila-bila masa waktu bekerja dan dimana-mana cawangan Bank. / The earluy settlement can be done at any time during working hours and at any of the Bank's branches.
- Bank akan memberikan Ibra' (rebate) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut / The Bank shall grant Ibra' (rebate) to you for early settlement in the following event:
 - Penjelasan awal atau penebusan awal pembiayaan ini / Early settlement or for early redemption of the financing; or
 - Penjelasan awal pembiayaan melalui cara penstruktur semula pembiayaan; atau / Early settlement of the financing due to financing restructuring exercise; or
 - Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / Full settlement by Customer in the case of default; or
 - Penjelasan awal oleh anda melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tempoh matangnya. / Early settlement by Customer in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.
- Ibra' (rebate) dikira dengan formula berikut : Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / The applicable formula for Ibra' (rebate) = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).

11. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful? / Do I need any takaful coverage?

- Sumbangan Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) adalah digalakkan untuk melindungi pembiayaan anda jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal semasa tempoh pembiayaan. / *Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) is an option to protect your interest in the event of death or permanent disability during the financing tenure.*
- Sumbangan Takaful Rumahku / Kebakaran / Takaful Rumahku Jangka Panjang (TRJP), jika perlu / *Houseowners Takaful / Fire / Long Term Houseowners (LTHO)Takaful, if necessary.*

12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Pusat Perhubungan Pelanggan kami secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam butir-butir perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform our Customer Service Center via mail or email of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.*

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / *If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional**
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / *If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional**
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

BNMLINK
Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300 88 5465
Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / *Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:*

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce,
Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Emel/Email : enquiry@akpk.org.my

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Khidmat Nasihat Pembiayaan di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang memberikan nasihat kewangan kepada individu yang tidak dapat memperoleh pembiayaan perumahan daripada institusi kewangan. Sekiranya anda berminat untuk menerima khidmat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan @ AKPK, sila layari: / *Alternatively, you can get Financing Advisory Services at Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) which provides financial advice to individuals who cannot obtain home financing from financial institutions. If you are interested in receiving advice from Khidmat Nasihat Pembiayaan @ AKPK, please visit:*

Laman web/website: <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

14. Dimana boleh saya memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN MyHomePlus-i, sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / *Should you require additional information on BSN MyHomePlus-i, please refer to www.bsn.com.my website.*

15. Lain-lain produk pembiayaan perumahan BSN yang disediakan / Other home financing packages available

- BSN MyHome-i (Hartanah Kediaman) / *BSN MyHome-i (Residential Property)*
- BSN Hartanah Komersial-i / *BSN Commercial Property-i*
- BSN MyFirstHome-i

PENAFIAN / DISCLAIMER :

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Letter of Offer and Facility Agreement after financing approval.*

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

Tandatangan Pelanggan / *Customer's Signature*

**CATATAN PENTING : RUMAH ANDA MUNGKIN AKAN DIHALANG TEBUS SEKIRANYA ANDA
INGKAR DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN ANDA. /
IMPORTANT NOTE: YOUR PROPERTY MAY BE FORECLOSED IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS
ON YOUR HOME FINANCING.**

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 17 Julai 2025 / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 17 July 2025.*